

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

30. Sejauh manakah konsep *participatory planning* dapat dilaksanakan dalam proses perancangan bandar dan desa?
- (a) Terangkan peranan dan penglibatan wakil rakyat dan penduduk dalam proses perancangan serta mekanisme yang sedia ada.
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan penyertaan rakyat dalam proses perancangan bandar dan desa?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Konsep *participatory planning* telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam proses perancangan bandar dan desa iaitu melalui program publisiti dan penyertaan awam, notis berjiran dalam proses kebenaran merancang dan juga hebahan serta sebaran dasar-dasar perancangan negara mahupun negeri kepada orang ramai.

Peranan wakil rakyat dan penduduk dalam proses perancangan bandar telah dinyatakan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa (172), Seksyen 12A di mana seranta diberikan dalam kawasan wakil rakyat dan penduduk berkenaan draf rancangan tempatan yang akan disediakan, matlamat dan maksud bagi

penyediaannya serta perkara-perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkan dalam rancangan tersebut. Sekiranya terdapat peluang untuk memberikan sebarang pandangan berhubung perkara-perkara tertentu, wakil rakyat dan penduduk boleh berbuat demikian untuk memberikan sebarang idea penambahbaikan. Selain itu, Seksyen 9 Akta 172 juga menyatakan bahawa seranta dalam penyediaan draf rancangan-rancangan struktur perlu disiarkan dalam tiga keluaran dan sekurang-kurangnya dalam dua akhbar tempatan, salah satunya dalam Bahasa Kebangsaan, serta menyediakan salinan-salinan rancangan untuk diperiksa di tempat-tempat yang dinyatakan dalam notis dan setiap salinan hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tentang masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis dan mana-mana bantahan boleh dibuat kepada jawatankuasa.

Terdapat pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan penyertaan rakyat dalam proses perancangan bandar dan desa seperti program publisiti dan penyertaan awam di mana ia merupakan program yang boleh disertai oleh pelbagai pihak tanpa mengira bangsa, usia dan agama. Antara program yang telah dilaksanakan adalah semasa penyediaan Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera, Rancangan Kawasan Khas Taman Botani, Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town, Kajian Pengemaskinian Persempadanan Kampung Negeri Pulau Pinang, Sambutan Hari Landskap Peringkat Negeri Pulau Pinang dan Program Bandar Selamat yang kesemuanya dilaksanakan dengan melibatkan rakyat.